

Faktor-Faktor Penyumbang Kepada Tekanan Persekitaran Sosial dalam Kalangan Orang Kena Pengawasan di Malaysia

¹Fauziah Ibrahim, ¹Ezarina Zakaria, ¹Salina Nen, Norulhuda Sarnon & ²Siti Mariam Mursidan

Pusat Penyelidikan Psikologi dan Kesejahteraan Manusia
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600, Bangi, Selangor

²Agensi AntiDadah Kebangsaan, Kementerian Dalam Negeri, Jalan Maktab Perguruan Islam
43000 Kajang, Selangor

E-mail: ifauziah@ukm.edu.my; ezaz@ukm.edu.my; salina@ukm.edu.my; norul@ukm.edu.my;
siti_mariam@adk.gov.my

Abstrak

Tekanan persekitaran sosial yang tidak terkawal berupaya mempengaruhi seseorang individu yang masih berada dalam tempoh pemulihan untuk terjebak semula dengan tingkah laku relaps. Kajian ini disediakan bertujuan untuk (1) mengenalpasti tahap tekanan persekitaran sosial dalam kalangan orang kena pengawasan (OKP) dan (2) untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi tekanan persekitaran sosial dalam kalangan OKP di Malaysia. Kajian telah dijalankan dengan menggunakan reka bentuk tinjauan keratan-lintang secara kuantitatif. Seramai 380 orang bekas penagih dadah yang telah tamat menjalani program pemulihan di Cure and Care Rehabilitation Centre (CCRC) dan kini sedang menjalani tempoh pengawasan oleh Agensi AntiDadah Kebangsaan (AADK) dipilih sebagai responden kajian. Data kajian dianalisis secara deskriptif dan inferensi dengan menggunakan ujian regresi pelbagai secara *stepwise*. Analisis kajian menunjukkan bahawa majoriti OKP yang terlibat dalam kajian ini menunjukkan tahap tekanan persekitaran sosial yang terkawal iaitu berada pada tahap rendah (48.9%) ke tahap yang sederhana (47.1%). Manakala analisis regresi yang dijalankan menunjukkan bahawa faktor keinginan semula terhadap dadah ($\beta=.436$, $p<.05$), konflik hubungan keluarga ($\beta=.315$, $p<.05$) dan gangguan emosi ($\beta=.224$, $p<.05$) merupakan faktor yang dikenalpasti menjadi menyumbang kepada tekanan persekitaran sosial dalam kalangan OKP. Hasil kajian memberi implikasi terhadap usaha kerajaan dan pihak-pihak yang berkepentingan ke arah usaha mengurangkan kadar kecenderungan relaps dalam kalangan bekas penagih dadah yang telah menjalani rawatan dan pemulihan bagi mengekalkan kepulihan.

Kata kunci: tekanan, persekitaran sosial, orang kena pengawasan, penagih dadah, relaps

Pengenalan

Faktor persekitaran sosial memberi impak secara hubungan timbal balas terhadap proses pembentukan tingkah laku dan jati diri seseorang individu (Zakaria Stapa, and Ahmad Munawar Ismail, and Noranizah Yusuf, (2012). Menurut al-Na'imy (1994), individu yang berada dalam keadaan persekitaran yang membantu ke arah kebaikan dilihat cenderung untuk menjadi seorang yang boleh memberi manfaat kepada orang lain. Bagi seorang individu yang pernah terjebak dengan aktiviti penyalahgunaan dadah dan pernah merasai ketagihan ekoran daripada pengalaman penggunaan dadah, sudah pasti mereka memerlukan keadaan persekitaran luaran yang bebas dadah. Namun, usaha menjalani kehidupan baru untuk terus mengekalkan kepulihan dalam keadaan persekitaran luaran yang pelbagai amat mencabar diri mereka untuk terus pulih dan membebaskan diri daripada dadah. Samira, Haslinda, Nobaya dan Ali (2010) berpendapat pengaruh persekitaran sosial yang tidak terkawal boleh menyumbang kepada tekanan dalam diri seseorang individu dan boleh membawa kepada kecenderungan relaps. Kajian yang telah dilakukan oleh mereka meletakkan pengaruh kelompok rakan sebaya sebagai suatu proses yang mudah untuk mendapatkan dadah dan menyumbang kepada tekanan dalam kalangan bekas penagih. Malah kajian mereka turut mendapati bahawa faktor seperti masalah keluarga, keadaan komuniti berisiko dan sekolah juga boleh menjadi tekanan sosial yang membawa kepada relaps dalam kalangan penagih dadah. Menurut mereka, tekanan sosial akan menjadi lebih tinggi dalam kalangan bekas

penagih apabila mereka menghabiskan kebanyakan masa yang terluang dengan keadaan persekitaran yang berisiko (Samira et al 2010).

Kajian yang dijalankan oleh Bhandari, Dahal, dan Neupane (2015), pula telah membahagikan tekanan luaran kepada dua iaitu tekanan terhadap pengaruh rakan sebaya dan masalah hubungan kekeluargaan. Bhandari, Dahal dan Neupane (2015) turut mengaitkan faktor lain yang turut menyumbang kepada tekanan sosial dalam kalangan penagih yang mendorong kepada kecenderungan relaps seperti status pendidikan yang rendah serta tidak mempunyai pekerjaan. Manakala kajian yang dilakukan oleh Sau, Mukherjee, Manna dan Sanyal (2013) pula mendapati status ekonomi yang rendah serta masalah dalam hubungan dengan rakan sebaya mempunyai hubungkait dengan kecenderungan relaps. Berdasarkan hasil kajian yang dilakukan, mereka mendapati bahawa agama bukan merupakan faktor penentu kepada seseorang bekas penagih untuk kekal bebas daripada dadah mahupun relaps (Sau et al., 2013). Selain kajian yang dijalankan oleh Sau et al. (2013), kajian yang dijalankan oleh Yuet-Wah (2005) pula mendapati bahawa persekitaran luaran yang berisiko, ahli keluarga yang tidak menyokong serta penglibatan semula dengan rakan-rakan yang masih terlibat dengan dadah merupakan faktor penyebab kepada keadaan tekanan dalam kalangan bekas penagih. Bukan itu sahaja, keupayaan untuk memperolehi dadah dengan cara yang mudah juga telah dikenalpasti menjadi faktor yang menyumbang kepada tekanan sosial dalam kalangan penagih (Yuet-Wah 2005).

Berbeza dengan kajian yang dijalankan oleh Sharma, Upadhyaya, Bansal, Nijhawan dan Sharma (2012) terhadap faktor penyumbang kepada tekanan persekitaran dalam kalangan penagih. Sharma, et al (2012) mendapati pelbagai faktor yang menyumbang kepada tekanan persekitaran social seperti status pendidikan dan ekonomi yang rendah, ketiadaan pekerjaan, mempunyai sejarah latarbelakang keluarga yang terlibat dengan dadah dan jenayah serta sokongan rendah daripada keluarga dan masyarakat sekeliling sebagai faktor penyumbang kepada tekanan dalam kalangan bekas penagih. Manakala Drake, Wallach dan McGovern (2005), pula mengaitkan tekanan persekitaran sosial apabila bekas penagih bertemu semula dengan rakan-rakan berisiko. Selain itu mereka juga mendapati bahawa ketiadaan perancangan aktiviti harian yang tersusun, persekitaran kejiwaan yang berisiko, disiplin diri yang rendah dalam menjalani proses pemulihan dan kurangnya sokongan sosial untuk meneruskan perubahan tingkah laku bebas dadah sebagai faktor yang menyumbang kepada tekanan persekitaran sosial sehingga membawa kepada kecenderungan relaps. Kajian literatur ini memperlihatkan pelbagai faktor yang menyumbang kepada kecenderungan relaps dalam kalangan penagih. Justeru itu, kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenalpasti (1) tahap tekanan persekitaran sosial dalam kalangan orang kena pengawasan (OKP) dan (2) untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi tekanan persekitaran sosial dalam kalangan OKP di Malaysia. Hasil kajian dilihat berupaya membantu AADK dalam usaha untuk mengesan simptom awal terhadap kecenderungan relaps dalam kalangan klien yang telah tamat mengikuti program rawatan dan pemulihan CCRC dan seterusnya mengambil tindakan bersepadu untuk menyediakan strategi dan langkah-langkah pencegahan yang berkesan bagi menangani permasalahan relaps yang dilihat kian membimbangkan.

Metod Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan metodologi berbentuk tinjauan keratan-lintang secara kuantitatif. Data kajian telah dianalisis dengan menggunakan analisis regresi pelbagai secara *stepwise*. Penganalisan data telah dilakukan dengan menggunakan 'Statistical Package for the Social Science for Windows' (*SPSS for Windows*). Instrumen berikut telah digunakan dalam penyelidikan:

1. Alat ujian Tekanan Persekitaran Sosial (TPS): mengandungi 10 soalan berkaitan dengan tekanan persekitaran sosial dalam kalangan OKP. Nilai kebolehpercayaan untuk skala yang digunakan dalam kajian ini adalah tinggi iaitu 0.840.
2. Alat ujian Gangguan Emosi (GM): mengandungi 10 soalan berkaitan gangguan emosi dalam kalangan OKP. Nilai kebolehpercayaan untuk skala yang digunakan dalam kajian ini adalah tinggi iaitu 0.893.
3. Alat ujian Konflik Hubungan Keluarga (KHK): mengandungi 10 soalan berkaitan dengan konflik hubungan keluarga dalam kalangan OKP. Nilai kebolehpercayaan untuk skala yang digunakan dalam kajian ini adalah tinggi iaitu 0.851.
4. Alat ujian Keinginan Semula Terhadap Dadah (KSTD): mengandungi 10 soalan berkaitan dengan keinginan semula terhadap dadah dalam kalangan OKP. Nilai kebolehpercayaan untuk skala yang digunakan dalam kajian ini adalah tinggi iaitu 0.943.

5. Alat ujian Efikasi Diri Bebas Dadah (EDBD): mengandungi 11 soalan berkaitan dengan efikasi diri bebas dadah dalam kalangan OKP. Nilai kebolehppercayaan untuk skala yang digunakan dalam kajian ini adalah tinggi iaitu 0.935.

Kesemua soal selidik ini dibina oleh Fauziah, et al., (2017) dengan menggunakan likert empat skala di mana pilihan-pilihannya disusun mengikut kesesuaian iaitu (1) sangat tidak setuju, (2) tidak setuju, (3) setuju dan (4) sangat setuju.

Analisis Regresi Pelbagai

Analisis deskriptif dan inferensi digunakan dalam penyelidikan. Analisis deskriptif digunakan untuk menjawab objektif kajian yang peryama iaitu untuk mengenalpasti tahap tekanan persekitaran sosial dalam kalangan OKP. Manakala analisis regresi pelbagai (*multiple regression*) digunakan untuk mengenal pasti perubahan dalam dua atau lebih faktor (variabel bebas) yang menyumbang kepada perubahan dalam suatu variabel bersandar (Chua, 2012). Dalam kajian ini, analisis regresi pelbagai dengan menggunakan kaedah *stepwise* digunakan untuk mengukur objektif kajian iaitu untuk mengenal pasti faktor utama yang menyumbang kepada tekanan persekitaran sosial dalam kalangan OKP di Malaysia. Menurut Diekhoff (1992), kaedah *stepwise* mempunyai kelebihan berbanding dengan regresi pelbagai lain kerana melalui kaedah ini, hanya variabel peramal yang signifikan akan dimasukkan ke dalam regresi. Kelebihan yang kedua ialah regresi pelbagai *stepwise* dapat mengelakkan masalah *multicollinearity* yang wujud akibat korelasi yang kuat antara variabel-variabel peramal. Korelasi ini tidak bermakna dan ia menyebabkan analisis menjadi kurang tepat (Diekhoff, 1992). Masalah ini dapat di atasi melalui analisis regresi pelbagai *stepwise* kerana variabel-variabel yang bermasalah ini tidak akan dimasukkan ke dalam regresi.

Populasi, sampel dan lokasi kajian

Dalam kajian ini, populasi kajian merujuk kepada bekas penagih dadah yang telah tamat menjalani program pemulihan di Cure and Care Rehabilitation Centre (CCRC) dan kini sedang menjalani tempoh pengawasan oleh Agensi AntiDadah Kebangsaan (AADK). Mereka ini dikenali sebagai orang kena pengawasan (OKP). Persampelan rawak bertujuan digunakan untuk memilih 380 OKP yang sedang mengikuti program pengawasan lanjutan AADK di Malaysia. Lokasi kajian dibahagikan kepada lima zon tertentu bagi memudahkan kerja-kerja pengurusan dan pengumpulan data dikendalikan. Pembahagian zon juga dilakukan bertujuan untuk mendapatkan jumlah sampel yang seimbang untuk mewakili zon-zon yang berlainan. Pusat Pengawasan AADK yang terlibat dalam kajian ini adalah seperti berikut:

Jadual 2: Lokasi dan Bilangan Sampel Kajian

| Bil | Zon | Tempat | Jumlah Responden |
|------------|----------------------|----------------------------------|-------------------------|
| 1 | Selatan | AADK Johor AADK N. Sembilan | 40 40 |
| 2 | Timur | AADK Kelantan AADK Terengganu | 40 40 |
| 3 | Tengah | AADK Melaka AADK Selangor | 60 40 |
| 4 | Utara | AADK P.Pinang AADK Kedah | 40 40 |
| 5 | Sabah/Sarawak | AADK Sarawak | 40 |
| | Jumlah Sampel | | 380 |

Proses Pengumpulan Borang Soal Selidik

Sebelum pengumpulan data dimulakan, pasukan penyelidik telah mendapatkan kebenaran bertulis daripada Ketua Pengarah Agensi AntiDadah Kebangsaan (AADK) untuk menjalankan penyelidikan di cawangan AADK yang terpilih di Malaysia. Setelah kelulusan diberikan oleh pihak AADK, pengkaji kemudiannya telah menghubungi dan membuat temu janji dengan Pengarah AADK cawangan yang terlibat bagi menetapkan tarikh sebenar untuk kerja-kerja pengutipan data dilaksanakan. Pengedaran borang soal selidik kajian kemudiannya telah dijalankan secara rawak setelah mendapat kebenaran bertulis untuk menjalankan kajian daripada pihak AADK.

Sewaktu kerja-kerja pengutipan data dilakukan, penyelidik telah dibantu oleh Pegawai Pemulihan AADK untuk menjalankan kerja-kerja pengedaran dan pengutipan data. Kaunselor dan pegawai-pegawai pemulihan AADK yang terlibat terlebih dahulu diberikan penerangan dan taklimat ringkas berkaitan kaedah pengumpulan data oleh penyelidik. Seterusnya, Pegawai pemulihan AADK telah mengumpulkan OKP yang sedang mengikuti program pengawasan dalam komuniti mengikut bilangan yang dikehendaki dan kemudiannya mengasingkan mereka kepada dua kumpulan seperti berikut (1) bekas penagih yang boleh membaca dan (2) bekas penagih yang tidak boleh membaca.

Tujuan pengasingan kumpulan berkenaan adalah untuk memudahkan proses bagi melengkapkan borang soal selidik dalam kalangan responden. Bagi bekas penagih yang boleh membaca mereka telah menjawab setiap soalan pada borang soal selidik yang diedarkan secara sendirian dan diawasi oleh Pegawai Pemulihan AADK dan pasukan penyelidik sendiri. Manakala bagi kumpulan bekas penagih dadah yang tidak tahu membaca, Pegawai Pemulihan AADK telah ditempatkan di dalam kumpulan mereka untuk membantu membacakan satu persatu soalan yang disediakan dengan tujuan memudahkan proses menjawab soalan. Dalam masa yang sama, pengkaji juga bertindak mengawasi responden sewaktu mereka menjawab soal selidik bagi membolehkan mereka bertanya sekiranya terdapat soalan-soalan yang masih tidak difahami. Bagi mendapatkan jumlah borang soal selidik yang tepat, pasukan penyelidik telah memeriksa setiap helai pada borang soal selidik sewaktu pengutipan borang soalselidik dijalankan. Ia bertujuan memastikan OKP mengisi borang soal selidik dengan sempurna dan lengkap. Sekiranya terdapat mana-mana borang yang didapati tidak diisi dengan lengkap, pasukan penyelidik akan memulangkan semula kepada OKP dan memastikan mereka menjawab soalan yang tercicir dengan bantuan daripada Pegawai Pemulihan AADK.

Hasil Kajian dan Perbincangan

Tekanan persekitaran sosial merupakan situasi atau keadaan tekanan hasil daripada keadaan persekitaran yang berupaya mencetuskan kepada kecenderungan relaps dalam kalangan OKP. Berdasarkan analisis kajian terhadap kecenderungan terhadap relaps dari aspek tekanan persekitaran sosial, secara keseluruhan hasil kajian mendapati majoriti OKP yang sedang berada dalam pengawasan AADK menunjukkan tahap tekanan persekitaran sosial pada tahap rendah (48.9 peratus) ke tahap sederhana (47.1 peratus). Hanya 3.9 peratus sahaja OKP yang mengalami tekanan persekitaran sosial yang tinggi dan perlu diberikan perhatian sewajarnya oleh pihak yang berkepentingan bagi menghindari diri mereka daripada menjadi relaps (Jadual 1)

Jadual 1: Tahap Tekanan Persekitaran Sosial Responden (n=380)

| Tahap | N=380 | Peratus (%) | Min |
|---------------|-------|-------------|------|
| Rendah | 189 | 48.9 | 2.08 |
| Sederhana | 179 | 47.1 | |
| Tinggi | 15 | 3.9 | |
| JUMLAH | | 100 | |

Walaupun secara keseluruhannya majoriti OKP menunjukkan tahap tekanan persekitaran sosial yang terkawal, namun terdapat dua perkara penting yang perlu diberikan perhatian oleh pihak yang berkepentingan berkaitan dengan aspek tekanan persekitaran sosial OKP. Pertama, hasil kajian menunjukkan sejumlah 50 peratus OKP yang masih menjalani program pengawasan lanjutan masih menghadapi keadaan persekitaran tempat tinggal yang terdedah dengan aktiviti penagihan dadah (item1). Manakala 49.2 peratus pula mengakui bahawa kawan yang tinggal di persekitaran tempat tinggal mereka masih memberi mereka dadah (item 8). Persekitaran yang masih terdedah dengan bahaya dadah disamping pengaruh rakan sekeliling merupakan faktor yang perlu diberikan perhatian oleh pihak yang berkepentingan untuk membantu bekas penagih yang sedang berusaha untuk pulih bebas daripada aktiviti penagihan semula dadah dan menjadi relaps.

Jadual 2: Peratus Tekanan Persekitaran Sosial Mengikut Item

| Bil | Pernyataan | Sangat Tidak Setuju | Tidak Setuju | Setuju | Sangat Setuju |
|---------------------------------------|---|---------------------|---------------|---------------|---------------|
| C1:TEKANAN PERSEKITARAN SOSIAL | | | | | |
| Peratus(%)/Bilangan | | | | | |
| 1. | Persekitaran tempat tinggal saya terdedah dengan aktiviti penagihan dadah | 17.1 (65) | 32.9 (125) | 41.8 (159) | 8.2 (31) |
| 2. | Saya sering berpindah tempat tinggal | 33.7 (128) | 47.6 (181) | 14.7 (56) | 3.9 (15) |
| 3. | Tempat tinggal saya tidak selamat | 22.4 (85) | 42.6 (162) | 27.4 (104) | 7.6 (29) |
| 4. | Persekitaran kerja saya terdedah dengan dadah | 31.1 (118) | 42.1 (160) | 23.2 (88) | 3.7 (14) |
| 5. | Rakan sekerja saya adalah bekas penagih dadah | 27.4 (104) | 40.0 (152) | 27.1 (103) | 5.5 (21) |
| 6. | Saya terpaksa melalui laluan tempat penagihan di kawasan perumahan | 26.1 (99) | 35.8 (136) | 31.3 (119) | 6.8 (26) |
| 7. | Kawan masih memujuk saya untuk menggunakan dadah | 30.3 (115) | 33.2 (126) | 31.8 (121) | 4.7 (18) |
| 8. | Kawan pernah memberi saya dadah | 21.6 (82) | 29.2 (111) | 43.2 (164) | 6.1 (23) |
| 9. | Saya sering didatangi oleh pengedar/tokan | 28.9 (110) | 45.5 (173) | 22.4 (85) | 3.2 (12) |
| 10. | Majikan membekalkan dadah supaya saya rajin bekerja | 55.3 (210) | 34.2 (130) | 7.1 (27) | 3.4 (13) |

Berdasarkan aspek-aspek lain dalam item tekanan persekitaran sosial, kajian mendapati secara keseluruhannya OKP yang sedang dalam program pengawasan ini masih berada dalam keadaan yang terkawal. Keadaan ini ditunjukkan melalui hasil kajian yang mendapati 81.3% OKP bukan terdiri daripada mereka yang sering berpindah randah (item 2) dan mempunyai kediaman sendiri. Kebanyakan mereka yang terlibat dalam kajian ini masih menganggap tempat tinggal mereka selamat (65 peratus -item 3), persekitaran tempat kerja yang tidak terdedah dengan bahaya dadah (65% - item4) dan mempunyai rakan sekerja yang bebas dadah (67.4% - item 5). Keputusan kajian ini menunjukkan hanya 38.1% sahaja dalam kalangan OKP yang masih terpaksa melalui laluan tempat penagihan di kawasan perumahan mereka dan menghadapi tekanan dimana rakan masih memujuk mereka untuk menggunakan dadah (36.5% – item7). Walau bagaimanapun sejumlah 74.4% OKP yang terlibat dalam kajian ini menafikan bahawa mereka sering didatangi oleh pengedar/tokan (item9) dan tidak menghadapi masalah berkaitan dengan majikan yang membekalkan mereka dadah untuk menjadikan mereka rajin bekerja (89.5 peratus –item 10).

Berdasarkan analisis terhadap faktor-faktor yang boleh menyumbang kepada tekanan persekitaran sosial dalam kalangan OKP pula kajian mendapati tiga (3) faktor iaitu keinginan semula terhadap dadah, konflik hubungan keluarga dan gangguan emosi merupakan faktor yang dikenalpasti menjadi pengaruh terhadap kecenderungan relaps dalam kalangan OKP. Berdasarkan analisis yang dijalankan, secara signifikan, keinginan semula terhadap dadah [$F(1,378) = 219.678, p < .05$] menyumbang sebanyak 36.8 peratus varians ($R^2 = .368$) terhadap tekanan persekitaran sosial dalam kalangan OKP. Keputusan ini menunjukkan bahawa faktor keinginan semula terhadap dadah ($\beta = .606, p < .05$) merupakan petunjuk utama yang boleh menyumbang kepada tekanan persekitaran sosial dalam kalangan OKP. Kombinasi keinginan semula terhadap dadah ($\beta = .436, p < .05$) dan konflik hubungan keluarga ($\beta = .315, p < .05$) menambah sebanyak (43.8-36.8) peratus atau 7 peratus kepada varians ($R^2 = .438$) dalam variable kriterion (tekanan persekitaran sosial) [$F = 2.377 = 146.802, p < .05$]. Walaubagaimanapun faktor gangguan emosi dilihat kurang menyumbang kepada perubahan dalam tekanan persekitaran sosial OKP kerana kombinasi gangguan emosi ($\beta = .224, p < .05$) dengan konflik hubungan keluarga ($\beta = .225, p < .05$) menambah sebanyak (45.7-43.8) peratus atau 1.9 kepada varians ($R^2 = .457$) dalam faktor tekanan persekitaran sosial [$F = 3.376 = 105.678, p < .05$].

Model Summary

| Model | R | R Square | Adjusted R Square | Std. Error of the Estimate | Change Statistics | | | | |
|-------|-------------------|----------|-------------------|----------------------------|-------------------|----------|-----|-----|---------------|
| | | | | | R Square Change | F Change | df1 | df2 | Sig. F Change |
| 1 | .606 ^a | .368 | .366 | .43294 | .368 | 219.678 | 1 | 378 | .000 |
| 2 | .662 ^b | .438 | .435 | .40872 | .070 | 47.122 | 1 | 377 | .000 |
| 3 | .676 ^c | .457 | .453 | .40205 | .020 | 13.610 | 1 | 376 | .000 |

a. Predictors: (Constant), Keinginan Semula Terhadap Dadah

b. Predictors: (Constant), Keinginan Semula Terhadap Dadah, Konflik Hubungan Keluarga

a. Predictors: (Constant), Keinginan Semula Terhadap Dadah, Konflik Hubungan Keluarga, Gangguan Emosi

ANOVA^a

| Model | | Sum of Squares | df | Mean Square | F | Sig. |
|-------|------------|----------------|-----|-------------|---------|-------------------|
| 1 | Regression | 41.175 | 1 | 41.175 | 219.678 | .000 ^b |
| | Residual | 70.850 | 378 | .187 | | |
| | Total | 112.025 | 379 | | | |
| 2 | Regression | 49.047 | 2 | 24.523 | 146.802 | .000 ^c |
| | Residual | 62.978 | 377 | .167 | | |
| | Total | 112.025 | 379 | | | |
| 3 | Regression | 51.247 | 3 | 17.082 | 105.678 | .000 ^d |
| | Residual | 60.778 | 376 | .162 | | |
| | Total | 112.025 | 379 | | | |

a. Dependent Variable: Tekanan persekitaran sosial

b. Predictors: (Constant), Keinginan Semula Terhadap Dadah

c. Predictors: (Constant), Keinginan Semula Terhadap Dadah, Konflik Hubungan Keluarga

d. Predictors: (Constant), Keinginan Semula Terhadap Dadah, Konflik Hubungan Keluarga, Gangguan Emosi

Coefficients^a

| Model | | Unstandardized Coefficients | | Standardized Coefficients | t | Sig. |
|-------|---------------------------------|-----------------------------|------------|---------------------------|--------|------|
| | | B | Std. Error | Beta | | |
| 1 | (Constant) | 1.085 | .071 | | 15.307 | .000 |
| | Keinginan Semula Terhadap Dadah | .479 | .032 | .606 | 14.822 | .000 |
| 2 | (Constant) | .739 | .084 | | 8.829 | .000 |
| | Keinginan Semula Terhadap Dadah | .345 | .036 | .436 | 9.502 | .000 |
| | Konflik Hubungan Keluarga | .320 | .047 | .315 | 6.865 | .000 |
| 3 | (Constant) | .658 | .085 | | 7.712 | .000 |
| | Kerinduan Terhadap Dadah | .259 | .043 | .327 | 6.071 | .000 |
| | Konflik Hubungan Keluarga | .229 | .052 | .225 | 4.395 | .000 |
| | Gangguan Emosi | .204 | .055 | .224 | 3.689 | .000 |

a. Dependent Variable: Tekanan Persekitaran Sosial

Kesimpulan dan Cadangan

Secara rumusan, kajian mendapati tahap tekanan persekitaran sosial dalam kalangan OKP adalah terkawal dan tidak membimbangkan. Namun, terdapat beberapa perkara yang boleh ditambahbaik bagi memastikan OKP merasa selesa sewaktu dalam tempoh pemulihan dan tidak tertekan apabila berada dalam keadaan persekitaran sosial. Aspek yang perlu diberikan perhatian adalah dimana OKP yang terlibat dalam kajian ini dilihat masih

menghadapi tekanan persekitaran tempat tinggal yang terdedah dengan aktiviti penagihan dan mempunyai kawan-kawan yang memberi mereka dadah. Aspek ini perlu ditangani dengan berkesan bagi mengawal kecenderungan relaps dalam kalangan mereka. Oleh itu pegawai pemulihan AADK yang mengendalikan program pengawasan di setiap negeri/daerah wajar memberi perhatian terhadap aspek berkenaan sewaktu menjalankan sesi pertemuan /kaunseling bersama klien. Pelan tindakan pencegahan relaps dan strategi mengurangkan permasalahan tekanan persekitaran sosial telah dibangunkan melalui hasil dapatan kajian. Pelan tindakan pencegahan relaps berkenaan mencadangkan supaya pegawai-pegawai pemulihan AADK perlu (1) mengatasi masalah keinginan semula terhadap dadah (2) menangani konflik hubungan keluarga dan (3) mengatasi gangguan emosi yang dihadapi oleh OKP. Ketiga-tiga faktor ini dikenalpasti boleh membantu menyumbang kepada pengurangan tekanan persekitaran sosial yang dihadapi oleh klien untuk membebaskan diri daripada dadah dan mengekalkan kepulihannya yang berkesan.

Penghargaan

Kajian ini telah mendapat sokongan dan pembiayaan daripada Agensi AntiDadah Kebangsaan (AADK) melalui kod penyelidikan SK-2016-008. Ucapan penghargaan juga ditujukan kepada Agensi AntiDadah Kebangsaan dan Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM serta semua yang telah menjayakan kajian ini.

Rujukan

- Al-Na'imi. 1994. Kaedah dan Pengajaran Menurut Ibnu Kaldun dan Al Qabisi. Terjemahan Mohd Barzi Omar. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bhandari S., Dahal M., & Neupane G. 2015. Factors Associated with Drug Abuse Relapse: A Study on The Clients of Rehabilitation Centers. *Al Ameen J Med Sci.* 8(4): 293-298
- Chua Yan Piaw. 2012. Asas Statistik Penyelidikan. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill Sdn Bhd
- Diekhoff, G. 1992. Statistics for the social and behavioral sciences: univariate, bivariate, multivariate. Dubuque, Iowa: Wm. C. Brown.
- Drake R.E., Wallach M.A., & McGovern M.P. 2005. Future Directions in Preventing Relapse to Substance Abuse Among Clients with Severe Mental Illnesses. *Psychiatric Services.* 56(10): 1297-1302.
- Fauziah Ibrahim, Ezarina Zakaria, Salina Nen, Norulhuda Sarnon & Siti Mariam Mursidan. 2017. Kadar Kecenderungan Relaps dan Kejayaan Mengekalkan Kepulihannya dalam Kalangan Penghuni yang Tamat Menjalani Rawatan dan Pemulihan di CCRC. Laporan Akhir Penyelidikan: UKM-AADK, Selangor
- Sharma A.K., Upadhyaya S.K., Bansal P., Nijhawan M., & Sharma D.K. 2012. A Study of Faktor Affecting Relapse in Substance Abuse. *Indian J.L.Sci.* 2(1): 31-35
- Samira G., Haslinda A., Nobaya A., Ali A. 2010. Environmental Factors Influencing Relapse Behavior among Adolescent Opiate Users in Kerman (A Province in Iran). *Global Journal of Human Sosial Science.* 10(4): 71-76
- Sau M., Mukherjee A., Manna N., & Sanyal S. 2013. Sociodemographic and Substance use Correlates of Repeated Relapse Among Patients Presenting for Relapse Treatment at an Addiction Treatment Center in Kolkata, India. *African Health Sciences.* 13(3): 791-799
- Yuet-Wah C. 2005. Between Abstinence and Relapse: The Role of 'Pre-Relapse Abstinence' in Drug Rehabilitation in Hong Kong. *Advances in Drug Abuse Research.* 5(2005): 354-372.
- Zakaria Stapa, and Ahmad Munawar Ismail & Noranizah Yusuf. 2012. *Faktor persekitaran sosial dan hubungannya dengan pembentukan jati diri.* Jurnal Hadhari, Specia. pp. 155-172. ISSN 1985-6830